

Had umur bersara sektor awam dinaikkan kepada 65? Berilah peluang kepada golongan muda pula berkhidmat.

Itu polemik yang kini melanda banyak pihak apabila ada pihak mencadangkan supaya had umur bersara kakitangan awam dinaikkan kepada 65.

Ikuti wawancara Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) ADNAN MAT dengan Pengarang Berita Nazarali Saeril berkaitan isu ini.

Adakah relevan usia persaraan kakitangan awam dinaikkan daripada 60 kepada 65 tahun?

Cadangan menaikkan had umur persaraan daripada 60 tahun kepada 65 tahun datangnya daripada wakil Bank Dunia di Malaysia, Firas Raad.

Secara umumnya, Firas mencadangkan perkara itu berikutan aspek demografi di Malaysia bergerak ke era dengan kadar kesuburan dan kematian rendah berbanding pada paras lebih tinggi sebelum ini.

ia bermaksud kelahiran baru menurun disebabkan kadar kesuburan semakin rendah manakala jumlah warga tua bertambah kerana peningkatan jangka hayat penduduk.

Dalam hal ini, Cuepacs melihat, Firas melahirkan kebimbangan kepada Malaysia yang dijangka menjadi negara tua pada masa akan datang, sekali gus memberi kesan sosio-ekonomi besar seperti kos penjagaan kesihatan, keselamatan sosial akan meningkat, tenaga buruh akan berkurangan dan struktur keluarga mengalami perubahan.

Bagaimanapun, Cuepacs berpendirian, tiada keperluan mendesak untuk kerajaan meningkatkan had umur persaraan sedia ada bagi penjawat awam iaitu 60 tahun kepada 65 tahun.

Jika kita lihat, umur persaraan penjawat awam mengalami tiga kali perubahan dalam tempoh 20 tahun. Kali pertama, had usia persaraan penjawat awam dilanjutkan daripada 55 kepada 60 pada 2001.

Ia diikuti tujuh tahun kemudian apabila usia persaraan dilanjutkan daripada 60 kepada 65 pada 2008 manakala had usia persaraan sekali lagi mengalami perubahan daripada 65 kepada 70 pada 2011. Sebahagian besar individu dalam usia 60 ke atas kebiasaannya berdepan kekangan kerja termasuk faktor kesihatan selain perlu mengadaptasi teknologi baharu.

Justeru, peraturan semasa terpakai ketika ini untuk had



HAD UMUR PERSARAAN 65 TAHUN?

'BAGI PELUANG ORANG MUDA PULA'

KADAR pengangguran Februari lalu meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 3.2 peratus pada Januari.

usia persaraan penjawat awam masih munasabah dan relevan.

Ramai kini hilang kerja dan mencari pekerjaan sesuai. Mungkin boleh diterima masuk bekerja dalam sektor awam?

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran Februari lalu meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 3.2 peratus pada Januari.

Pada Februari, bilangan penganggur 525,200. Ia naik 2.6 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Kadar pengangguran pada Februari 2020 tidak dipengaruhi kejutan dalam disebabkan penularan Covid-19 dan ia hanya memberi kesan kepada kadar pengangguran bermula Mac 2020.

Umur 55 ke atas, adakah masih mampu melakukan kerja yang adakalanya memerlukan tahap pengetahuan teknologi terkini?

Apabila menentuhkan mengenai pasaran buruh, sudah tentu golongan muda kumpulan yang boleh dikategorikan sebagai paling produktif terutama daripada segi tenaga dan idea-idea serba baru.

Bagaimanapun, kita tidak nafikan individu lebih berusia ada pengalaman yang amat diperlukan dan tidak dimiliki orang muda ini.

Buat masa ini, di Malaysia tidak semua sektor pekerjaan sesuai untuk kita melibatkan mereka yang berusia 60 ke atas kerana kekangan daripada segi kesihatan atau tenaga.

Jika kita mahu melibatkan golongan berusia 60 ke atas ini, biarlah penglibatan itu secara

sumbangan kepada komuniti setempat atau dalam bidang kepakaran yang tertentu.

Contoh, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini memberi peluang kepada kakitangan perubatan yang bersara untuk kembali berkhidmat bagi membantu negara memerangi penularan Covid-19.

Dalam hal ini kita lihat memang ada keperluan.

Pekerjaan sesuai bagi umur 65 tahun di sektor awam?

Pada pandangan saya, tiada keperluan untuk kerajaan melanjutkan had umur persaraan termasuklah di sektor swasta juga.

Ketika ini, kita ada lambakan graduan yang boleh dilibatkan secara aktif dalam pasaran kerja mengikut kepakaran masing-masing.

Mereka yang berusia 60 tahun ke atas boleh terus bekerja jika mereka mahu, tetapi ia bukan satu ketetapan yang mandatori.

Jika mahu warga emas ini kekal produktif selepas usia persaraan, kukuhkanlah penglibatan mereka dalam badan komuniti atau NGO setempat supaya kepakaran mereka tetap boleh digunakan.

Ada yang setuju had persaraan dinaikkan kerana mahukan manfaat seperti perubahan dan elaun.

Berdasarkan tinjauan pendapat dilakukan Cuepacs, majoriti penjawat awam tidak

menyokong cadangan melanjutkan had umur persaraan kerana berpendapat biarlah peluang berkhidmat di sektor awam ini diberi kepada golongan muda.

Berdasarkan tinjauan pada 2001, 93 peratus penjawat awam setuju umur bersara dinaikkan daripada 55 kepada 56 tahun. Pada tinjauan 2008 pula, 63 peratus setuju usia bersara dinaikkan kepada 58 tahun berbanding 56.

Pada tinjauan 2011, 58 peratus setuju usia bersara dinaikkan kepada 60 tahun berbanding 58 sebelum itu.

Bagaimanapun, secara muktamadnya, Cuepacs tidak bersetuju lanjutan umur persaraan dinaikkan ke 65 tahun.

Segarkan sesebuah jabatan dengan pengambilan pekerja dalam kalangan golongan muda. Komen?

Beliau pelapis kepada kepimpinan negara. Sudah semestinya dengan kehadiran ramai orang muda ini ke dalam perkhidmatan awam, ia akan memberi kesegaran kepada sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan.

Cuepacs melihat ada banyak usaha dilakukan kerajaan untuk membawa masuk anak muda ini ke dalam perkhidmatan awam.

Antaranya, kerajaan memperkenalkan inisiatif My STEP atau Short-term Employment Programme dengan peruntukan lebih RM700 juta.

Inisiatif ini menawarkan 50,000 peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bermula dari Januari 2021.

Cuepacs berharap kerajaan boleh membuat lantikan tetap kepada semua kekosongan diberikan terutama di sektor yang kritikal seperti sektor kesihatan, keselamatan, pendidikan dan sosial.

Tahap efisiensi golongan 65 tahun dan belia 30-an dalam menjalankan tugas?

Jika kita menentuhkan faktor usia dalam sesuatu sektor pekerjaan, kedua-duanya ada kelebihan dan tidak boleh dibuat perbandingan secara terus.

Kita tidak nafikan orang muda ini ideanya lebih kreatif dan inovatif tetapi tetap memerlukan bimbingan orang berpengalaman supaya ia jadi lebih mantap.

Begitu juga dengan mereka yang sudah berusia, akan ada beberapa kekangan seperti kemahiran teknologi dan keupayaan fizikal.

Jadi perlu ada kebergantungan antara satu sama lain.

Sektor awam paling 'selamat' berbanding swasta?

'Selamat' tidak bererti kami penjawat awam ini berasa selesa dengan keadaan semasa.

Di sebalik perkataan 'selamat' ini, ada banyak tanggungjawab dan pengorbanan perlu digalas penjawat awam terutama bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat ketika berhadapan penularan Covid-19.

Keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam walaupun sektor ekonomi ditutup sepenuhnya sewaktu pelaksanaan perintah kawalan pergerakan sebelum ini membolehkan rakyat tetap mendapat bantuan dan akses kepada keperluan asas.

Penjawat awam, termasuk petugas barisan hadapan penggerak utama negara dalam menjalankan dasar kerajaan.

Walaupun mereka tidak dipotong gaji, tidak dibuang kerja namun penjawat awam menggalas tugas berat pada ketika ini.

Selamat memang selamat namun nyawa mereka dipertaruhkan dan mereka sanggup berkorban tenaga dan masa untuk keluarga demi rakyat Malaysia.



“
Cuepacs tidak bersetuju lanjutan umur persaraan dinaikkan ke 65 tahun
Adnan